

21.11.2019

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## **EMPANGAN PERLU DIBUKA KEPADA AWAM SEBAGAI KAWASAN REKREASI HIJAU**

- Pembukaan Empangan kepada orang ramai dapat mendidik komuniti kesedaran air, menyokong aktiviti yang sihat, meningkatkan keselamatan empangan dan mencerminkan ketelusan dalam pengurusan empangan.

PULAU PINANG, Khamis, 21.11.2019: Empangan bekalan air harus dibuka kepada orang awam untuk mempromosikan kesedaran dan pemuliharaan air.

Inilah sebab utama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membuka Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang untuk para pelawat.

Orang ramai dapat terus melihat paras empangan. Untuk lebih jelas, kami juga telah mendirikan papan LED di tapak empangan yang memaparkan kapasiti efektif empangan.

Oleh itu, orang ramai boleh mengetahui dan memahami status empangan dan ketersediaan air mentah. Pemahaman dan sokongan masyarakat membantu PBAPP untuk mempromosikan pemuliharaan air di kalangan masyarakat, terutama pada musim kemarau ketika paras empangan adalah rendah.

PBAPP juga akan membenarkan akses awam ke Empangan Mengkuang, sebaik sahaja Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyerahkan empangan ini semula kepada kerajaan negeri Pulau Pinang sebelum diambil alih oleh PBAPP, dan disahkan selamat.



## Menyokong “Pulau Pinang yang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat”

Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menggalakkan inisiatif Pulau Pinang yang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat . Untuk menyokong inisiatif ini, PBAPP menguruskan empangan di Pulau Pinang sebagai destinasi rekreasi hijau awam.

Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang dibuka kepada orang ramai dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari. Masuk adalah percuma.

Beribu-ribu pejalan kaki, pelari, pengembara jalan kaki, penunggang basikal, pengamal taichi & yoga, jurugambar dan naturalis mengunjungi empangan ini setiap hari.

Pengunjung-pengunjung ini menggunakan empangan Pulau Pinang sebagai kemudahan rekreasi hijau kerana empangan terletak di kawasan tadahan air hijau yang dilindungi sepenuhnya oleh undang-undang negeri di Pulau Pinang.

Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) 2004, di bawah Enakmen Bekalan Air Pulau Pinang 2004, mengenal pasti 11 kawasan tadahan air utama dan melindungi sepenuhnya 62.9 km persegi kawasan hutan dari eksploitasi dan pencemaran komersil yang merosakkan.

Sementara itu, Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) 2009 menyatakan bahawa hanya aktiviti berikut boleh dilakukan, di hilir muka sauk air mentah di kawasan tadahan air di Pulau Pinang:

- a. Berkhemah, berkelah, *hiking*, kembara bukit dan hutan, berkanu dan berperahu tanpa motor, mengkaji burung, *orienteering* dan memburu di hutan, dan pertandingan memancing atau mengail.
- b. Penubuhan herbarium, ladang botani, ladang rama-rama, zoo mini, taman *aviary* atau pusat mengkaji burung, arboretum, tapak perkhemahan, taman tasik dan/atau projek pembangunan eko pelancongan pasif lain.

Selain itu, pemandangan indah di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang telah menjadikan empangan ini tarikan pelancongan yang meningkatkan daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan



antarabangsa.

Empangan Air Itam juga membantu mengurangkan banjir di kawasan George Town ketika musim hujan dengan menahan sebahagian daripada air hujan yang berlebihan di kawasan simpanan empangan.

### Mempertingkatkan keselamatan empangan

Keselamatan di empangan diletakkan di bawah bidang kuasa pasukan polis bantuan PBAPP. Pos polis bantuan didirikan di dalam premis empangan dan diawasi 24/7.

Anggota polis bantuan PBAPP juga membuat rondaan di premis setiap dua jam sekali. Jadi, pengunjung empangan boleh menikmati aktiviti riadah mereka dalam persekitaran yang menyegarkan yang diurus dengan selamat dan terjamin.

PBAPP telah menetapkan peraturan mesra pengguna dan mesra alam disediakan untuk akses awam yang selamat ke kawasan empangan Pulau Pinang. PBAPP berhasrat memupuk “pemilikan awam” bagi kawasan empangan dan kawasan tadahan air.

Pengunjung tetap empangan mempunyai kepentingan dalam memelihara keselamatan kawasan rekreasi mereka. Dengan demikian, adanya lebih ramai orang yang menjaga dan memantau empangan, ia sebenarnya meningkatkan keselamatan empangan.

Pengguna empangan digalakkan untuk melaporkan sebarang aktiviti yang tidak normal atau apa sahaja kejadian kepada anggota polis bantuan PBAPP. Oleh itu, mereka memberikan maklumat berharga mengenai insiden yang berlaku di premis empangan.

### Ketelusan dalam pengurusan empangan

Dengan membuka empangan Pulau Pinang kepada orang ramai, ia mencerminkan komitmen PBAPP untuk telus dan cemerlang dalam pengurusan empangan.

Dengan meletakkan empangan di mata awam, PBAPP perlu memastikan empangan ini dikendalikan dan diselenggarakan dengan baik. Setiap aspek operasi empangan, daripada menyelenggarakan rumput

sehinggalah memastikan keselamatan orang ramai untuk pemantauan harian yang berkesan, dalam perhatian teliti awam.

Oleh itu, populariti berterusan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang sebagai kawasan rekreasi awam hijau menunjukkan komitmen PBAPP terhadap kecemerlangan dalam khidmat awam.

---

Kenyataan media ini adalah berdasarkan pembentangan PBAPP oleh Dato' Ir. Jaseni pada 21.11.2019, pada "Persidangan Antarabangsa mengenai Pengurusan Keselamatan dan Kejuruteraan Empangan 2019" (ICDSME 2019), yang dianjurkan oleh *Malaysian National Committee On Large Dams* (MYCOLD).

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my



**PBAPP manages the Air Itam Dam in Penang as a green public recreational area. © PBAPP 2019**





Penang's Air Itam Dam is open to the public from 7.00am to 7.00pm daily. © PBAPP 2019





**Air Itam Dam, Penang. © PBAPP 2019**